

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Mutakhir, sistem pendidikan Negara kita sedang mengalami perubahan yang pesat seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Tidak dinafikan bahawa perkembangan dunia teknologi maklumat yang kian pesat ini telah memberi impak positif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan dalam hal ini bahasa Arab juga adalah tidak terkecuali. Walaupun perkembangan ini menyumbang secara langsung kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, namun ia semestinya berjalan seiring dengan prinsip-prinsip pendidikan. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk memastikan bahawa kemajuan ini dapat dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Teknologi khususnya yang berkaitan dengan penggunaan komputer adalah perkara yang menjadi lumrah dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini. Dalam bahasa-bahasa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol dan bahasa utama dunia, pemanfaatan teknologi telah digunakan secara meluas dan begitu pesat sekali.

Bahan bantu mengajar (BBM) yang dihasilkan berdasarkan teknologi moden dapat digunakan secara praktik dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa bidang teknologi juga memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan masa kini. Perkembangan teknologi pendidikan pada masa kini dapat memberi kesan positif kepada guru dalam menyampaikan

ilmu pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, ia juga dapat mempercepatkan proses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Penggunaan animasi sebagai bahan bantu pengajaran bahasa Arab adalah perkembangan baru tetapi dalam pelaksanaan pengajaran perlu menepati ketetapan kurikulum yang telah ditetapkan. Perisian animasi bukan sahaja menjadikan pendidikan bahasa Arab bertambah menarik, bahkan akan meningkatkan tahap keberkesanan penguasaan bahasa pelajar sendiri.

### **1.1 Latar belakang Kajian**

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia kini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Hampir seluruh pusat pengajian sama ada di peringkat universiti mahupun sekolah mempunyai mata pelajaran bahasa Arab. Kini sekolah-sekolah rendah juga turut mengambil bahagian dalam penerapan bahasa Arab lebih-lebih lagi apabila kerajaan telah memperkenalkan konsep jQAF pada tahun 2004 menambah lagi semangat umat Islam di Malaysia untuk mempelajari bahasa Arab. Justeru itu, guru bahasa Arab perlu mencari inisiatif supaya mata pelajaran ini dihayati dan diminati oleh semua pelajar dan lapisan masyarakat. Untuk tujuan itu, cara pengajaran atau kaedah yang digunakan oleh guru atau tenaga pengajar memainkan peranan penting. Guru patut mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan mengimplementasikan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai khususnya yang berdasarkan teknologi maklumat seiring dengan peredaran zaman.

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang berdasarkan teknologi moden dalam pengajaran bahasa Arab adalah selari dengan kehendak Menteri Pelajaran Malaysia Dato' Sri Hisyamuddin Tun Hussin dalam ucapan beliau di London pada 11 Januari 2005 yang berhasrat menjadikan pendidikan di Malaysia pendidikan yang bertaraf dunia. Dalam merealisasikan hasrat ini, pihak kerajaan telah melaksanakan sekolah Bestari yang menggunakan pelbagai media berdasarkan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran. Mohd Azidan (1998) telah mengulas mengenai kepentingan internet dan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang menuntut kepada penggunaannya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak ketinggalan dalam mengharungi arus perdana teknologi maklumat.

Penggunaan komputer yang semakin meluas pada zaman Koridor Raya Multimedia (MSC) ini, telah merubah senario pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) menjadi semakin penting. Jika dahulu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah adalah berkONSEPkan '*chalk and talk*', namun kini komputer dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Kemunculan bahan bantu mengajar (BBM) yang berteknologi moden menjadi pemangkin kepada perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi guru dan pelajar. Guru perlu bersedia untuk menukar corak pengajaran tradisional kepada pengajaran berdasarkan teknologi moden dan canggih. Menurut Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), perkembangan teknologi

multimedia menjanjikan potensi besar dalam merubah cara seseorang belajar, cara memperolehi maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat dan sebagainya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kebanyakan pelajar menghadapi pelbagai masalah serta halangan dalam mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sering dianggap mata pelajaran yang susah, mencabar dan membosankan. Selain itu, kaedah penyampaian guru yang hanya menggunakan kaedah penerangan dan syarahan dalam kuliah merupakan salah satu faktor yang menyumbang ke arah itu. Ekoran daripada masalah yang dihadapi oleh pelajar ini, kaedah penyampaian mata pelajaran bahasa Arab haruslah diubahsuai daripada pendekatan secara tradisi kepada pendekatan alternatif lain. Kaedah pengajaran secara tradisional menimbulkan rasa kebosanan dan kurang menarik jika dibandingkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Pemilihan BBM yang bersesuaian mampu menimbulkan rangsangan positif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dewasa ini, animasi berkomputer menjadi semakin popular dan berkesan sebagai satu kaedah memperoleh maklumat dalam cara yang aktif. Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), animasi mempunyai peranan tersendiri dalam bidang pendidikan khususnya bagi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Antara kelebihan penggunaan animasi adalah dapat menarik perhatian pelajar, menawarkan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan, mempercepatkan proses pemahaman serta mengekalkan maklumat tersebut dalam tempoh masa yang lebih lama dalam ingatan. Animasi merujuk kepada suatu paparan visual yang bersifat dinamik. Animasi merupakan

antara elemen multimedia yang paling diminati serta mendapat perhatian ramai kerana ianya mampu menzahirkan sesuatu fantasi manusia ke alam realiti. Ianya juga membolehkan sesuatu yang agak sukar untuk diterangkan dengan menggunakan perkataan atau imej-imej statik disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan. Animasi memainkan peranan penting sebagai daya tarikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan animasi akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai unsur-unsur yang menggembirakan dan menyeronokkan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aplikasi perisian multimedia ini dapat membantu guru memotivisasikan pelajar ke arah pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan berjaya menarik minat pelajar.

Bertitik tolak dari fenomena ini, pengkaji ingin mengkaji sejauhmana penggunaan perisian animasi dalam pembelajaran bahasa Arab memberi kesan kepada pelajar peringkat permulaan mempelajari bahasa tersebut. Adakah animasi membantu pelajar untuk memahami bahasa Arab seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam bahasa tersebut atau sebaliknya.

## **1.2 Pernyataan Masalah Kajian**

Kajian ini dijalankan kerana beberapa faktor yang menjadi permasalahan yang harus dilihat sebagai masalah bersama terutamanya kepada pihak kementerian, guru-guru, para pelajar dan masyarakat untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar Melayu mempelajari serta menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Dalam dunia sains dan teknologi masa kini, bahan pembelajaran bukan sahaja terhad kepada buku teks dan alat tulis serta pengajaran secara tradisional semata-mata malah meliputi bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan teknologi maklumat seperti komputer, internet, LCD, CD Rom, kamera digital dan sebagainya. Teknologi komputer, komunikasi dan teknologi maklumat merupakan suatu yang amat diminati dan menarik perhatian generasi muda sekarang ini kerana bagi mereka kandungan yang dipaparkan dalam perisian komputer merupakan suatu yang logik dan ilmiah serta sesuai dengan zaman yang canggih ini. Dengan ini, jika guru bahasa Arab berkebolehan dalam mengendalikan teknologi dalam proses pengajaran mereka, pelajar sudah semestinya akan merasa kagum dan seterusnya meminati pelajaran bahasa Arab dan secara tidak langsung mereka dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Ini bertepatan dengan pandangan Norhayati Hashim (2008) yang menyatakan kehebatan '*karamah*' seorang guru pada hari ini sangat bergantung kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Proses pengajaran bahasa kedua secara umumnya mencetuskan perasaan bosan dan jemu terutama apabila pelajar mempelajari bahasa tersebut dalam keadaan terpaksa dan bukan pilihan diri sendiri. Bagi Khaled Ahmad Bani Omar (2003) perasaan bosan dan jemu tercetus terutama apabila pelajar terdiri daripada kalangan peringkat umur yang rendah. Sesetengah daripada mereka didapati sering terlena dalam kelas, tidak memberi perhatian dan hanyut dalam khayalan mereka sendiri. Ini semua berlaku kerana pembelajaran bahasa kedua terutamanya bahasa Arab tidak mempunyai kekuatan yang cukup untuk mencergaskan

pemikiran pelajar. Cara pendekatan dan penyampaian guru ketika mengajar bahasa Arab yang membosankan dan kurang menarik minat pelajar untuk mengikutinya merupakan faktor penyumbang ke arah tercetusnya perasaan bosan dan jemu kalangan pelajar. Impaknya pelajar tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik.

Selain itu, bahasa Arab juga sering dikaitkan dengan bahasa yang sukar untuk difahami dan dihayati malah dikuasai kerana sumber yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ini adalah terhad. Pelajar menganggap bahasa Arab sebagai mata pelajaran susah dan membebankan juga sebagai '*killer subject*' dan penghalang mereka daripada mencapai keputusan yang cemerlang (Muhammad Fauzi Jumingan dan Muhammad Hafiz Bakar, 2009). Kesan psikologi ini menyebabkan pelajar lebih suka menumpukan perhatian kepada mata pelajaran lain yang lebih menyeronokkan. Hal ini bertambah rumit jika guru bahasa Arab hanya menggunakan kaedah penerangan tanpa ada bahan bantu mengajar yang berkesan. Kaedah konvensional ini adalah ketinggalan pada era teknologi maklumat ini. Impaknya keadaan ini menjadikan bahasa Arab sebagai satu mata pelajaran yang amat membosankan. Justeru itu, guru bahasa Arab perlu melakukan sesuatu supaya mata pelajaran ini dihayati dan diminati oleh semua pelajar. Guru patut mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang pelbagai khususnya yang berdasarkan teknologi masa kini. Kajian menunjukkan bahawa keupayaan teknologi multimedia pada hari ini boleh menarik minat dan memudahkan kefahaman pelajar serta dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu bahasa. Oleh itu, selaras

dengan perkembangan teknologi masa kini, guru-guru bahasa Arab harus membuat satu perubahan dalam kaedah pengajaran mereka dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian mengikut zaman serta menjadikan mereka lebih bersifat professional.

Bukan itu sahaja satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh guru-guru, para pelajar serta mereka yang ingin mempelajari bahasa Arab ialah bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi kurang diperolehi di pasaran berbanding dengan mata pelajaran lain terutama bahasa Inggeris. Keadaan ini dirumitkan lagi apabila terdapat para guru yang mengeluh akibat mereka kekurangan kemahiran serta tiada bimbingan atau panduan bagi mengendalikan peralatan tersebut. Walaupun di internet banyak sumber yang boleh diperolehi dengan pantas dan mudah, namun kelemahan yang berlaku ialah sumber tersebut hanya sebagai faktor pembantu atau sampingan dalam penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kandungan sumber tersebut tidak menyeluruh dan tidak menepati keperluan sukanan pelajaran yang ditetapkan.

Selain daripada itu, kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab adalah berpunca daripada kelemahan dalam mewujudkan suasana dan persekitaran yang kondusif. Persekitaran amat penting untuk menggalakkan pelajar mengaplikasi bahasa Arab untuk berkomunikasi (Khaled Ahmad Bani Omar, 2003). Suasana yang kondusif untuk pengajaran bahasa Arab memang sukar untuk diwujudkan kerana tidak ramai yang menggunakan bahasa tersebut (Muhammad Pisol et al, 2005). Namun begitu dengan wujudnya teknologi ICT khususnya perisian animasi

ini ia tidak boleh menjadi sebab lagi untuk kita mendakwa bahawa persekitaran bahasa Arab tidak boleh diwujudkan.

Rentetan daripada pernyataan-pernyataan masalah di atas telah mendorong pengkaji untuk mengkaji dan mengenal pasti penyelesaian yang sewajarnya dalam satu kajian yang komprehensif bertujuan untuk meningkatkan perkembangan bahasa Arab dalam era teknologi maklumat agar ianya tidak dianggap ketinggalan zaman. Pengintegrasian teknologi dengan bahasa Arab dapat menyerlahkan kebolehupayaan bahasa ini terus berkembang pesat sepanjang masa khususnya dalam mempertingkatkan kualiti bahan pengajaran dan pembelajaran.

### **1.3     Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji sejauhmana teknologi moden umumnya dan perisian animasi khususnya sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab serta dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa tersebut sebagai bahasa kedua.

Objektif khusus kajian ini ialah:

1. Mengetahui minat pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar perisian animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.
2. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang penggunaan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.
3. Menentukan keberkesanan animasi dalam proses pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

## **1.4 Soalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Sejauhmanakah minat pelajar terhadap penggunaan perisian animasi sebagai bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab?
2. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang penggunaan bahan animasi dalam proses pembelajaran bahasa Arab?
3. Sejauhmanakah penggunaan perisian animasi dapat memberi kesan kepada pelajar dalam menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua?

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan serta menghasilkan beberapa kesimpulan dan cadangan yang baik untuk diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak yang berkaitan dengan bidang kajian ini sama ada kepada pelajar, pengajar dan pihak-pihak yang terbabit dengan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada para pelajar agar mereka dapat mengetahui cara yang terbaik untuk memantapkan pemerolehan dan penguasaan mereka dalam bahasa Arab dengan lebih pantas dan efektif. Di samping itu, pelajar juga dapat mengetahui punca sebenar permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam mempelajari serta menguasai bahasa Arab dan jalan penyelesaiannya.

Hasil kajian ini juga merupakan satu sumbangan yang signifikan kepada guru dan tenaga pengajar bahasa Arab. Dapatan kajian ini boleh dijadikan landasan kepada mereka untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka seiring dengan peredaran zaman yang serba moden dan canggih seterusnya melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menguasai bahasa tersebut sebaik mungkin. Selain itu, organisasi atau pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak sekolah, jabatan pendidikan, kementerian dan institusi-institusi yang terbabit dalam pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini. Kajian ini menjadi panduan dan rujukan penting kepada pembangunan bahan bantu mengajar untuk memurnikan perisian-perisian atau bahan-bahan bantu agar lebih bersesuaian dengan sukanan pelajaran serta menambah nilai dan meningkatkan kepakaran dalam perkembangan bahasa Arab sebagai satu bidang yang mampu bersaing dalam era global yang berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi.

Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi input kepada penulis-penulis akan datang agar mereka dapat menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar dan lebih berkesan. Bagi Universiti Malaya sendiri, hasil kajian ini akan menambahkan lagi koleksi kajian yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk kajian-kajian yang berkaitan selepas ini.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Kajian ini walaupun secara zahirnya cuba mengkaji keberkesanan animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di universiti yang terdapat di Malaysia, namun adalah mustahil bagi pengkaji untuk melaksanakan kajian ke semua universiti kerana usaha ini memerlukan tempoh yang panjang dan kos yang besar. Justeru kajian ini hanya dijalankan di Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Terengganu. Responden yang digunakan dalam kajian ini dihadkan kepada 40 orang pelajar yang terdiri dari program diploma pengurusan perniagaan dan perakaunan, informatik dan reka bentuk perindustrian. Pelajar-pelajar yang menjadi responden ialah pelajar-pelajar yang berada di peringkat permulaan mempelajari bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. Kebanyakan mereka tidak pernah mempelajari bahasa Arab dan hanya segelintir sahaja yang pernah belajar namun mereka memang tidak tahu atau mungkin lupa akan bahasa tersebut. Ini dikenalpasti melalui ujian yang dilaksanakan sebelum kajian dijalankan. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak mencakupi semua tajuk dalam semester tersebut. Pengkaji hanya memfokuskan kepada empat topik yang dikira sesuai sahaja. Proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung selama dua minggu berturut-turut. Keberkesanan pengajaran ini dikenalpasti melalui perbandingan skor markah ujian pra dan ujian pasca yang diperolehi sebelum dan selepas pengajaran berlaku antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Di samping itu data juga dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar dan pemerhatian

semasa proses pembelajaran berlaku. Pengkaji juga mengadakan temubual tidak berstruktur dengan sebahagian kecil responden dan beberapa orang guru untuk menyokong dapatan kajian.

## **1.7 Definisi Operasional**

Kajian menjadi lebih bermakna dan bernilai sekiranya tajuk kajian difahami dan tidak disalah tafsirkan. Definisi ini perlu supaya kita memahami secara jelas dan terperinci maksud sebenar tajuk kajian ini serta memudahkan kita memahami perbahasan dalam bab yang seterusnya. Oleh yang demikian pengkaji mendefinisikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan.

### **1.7.1 Keberkesanan**

Mengikut kamus Dewan (2007), keberkesanan didefinisikan sebagai perihal berkesan; berkesannya dalam suatu tindakan, perubahan dan sebagainya. Perkataan keberkesanan dalam konteks ini merujuk kepada perubahan yang akan berlaku kepada pencapaian pelajar selepas penggunaan perisian animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Keberkesanan ini juga dikenalpasti melalui soal selidik pelajar yang diedarkan kepada pelajar.

### **1.7.2 Bahan Bantu Mengajar (BBM)**

Bahan bantu mengajar ialah segala kelengkapan yang digunakan oleh guru atau murid untuk membantu dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. BBM tidak terhad kepada buku-buku teks, papan hitam, kapur dan

gambar-gambar sahaja, malah merangkumi segala benda yang digunakan dalam pengajaran yang melibatkan semua pancaindera melihat, mendengar, rasa, hidu dan sebagainya.

### **1.7.3 Animasi**

Animasi ialah salah satu elemen yang digunakan dalam teknologi multimedia. Perkataan animasi berasal daripada perkataan Latin yang membawa erti ‘dihidupkan’ ataupun ‘*bring to life*’. Mengikut kamus Dewan (2007) pula, animasi merujuk kepada satu perbuatan atau proses menjadikan sesuatu agar kelihatan hidup. *Computer Animation Dictionary* pula mendefinisikan animasi sebagai satu proses membentuk ilusi pergerakan dalam filem atau video menerusi gabungan gambar-gambar atau gabungan pergerakan yang direkodkan daripada kerangka-kerangka imej. Dalam konteks kajian ini, animasi digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab dan ianya merujuk kepada suatu paparan visual yang bersifat dinamik. Dengan erti kata lain, animasi merujuk kepada satu perbuatan atau proses menjadikan sesuatu agar kelihatan hidup dan mampu menzahirkan sesuatu fantasi manusia ke alam realiti.

### **1.7.4 Pembelajaran**

Pada umumnya pembelajaran dianggap sebagai proses pengumpulan maklumat atau pengetahuan oleh seseorang, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan personaliti dan kepercayaan atau perubahan tingkah laku kesan daripada pengalaman atau latihan. Pembelajaran berlaku sepanjang hayat dan dengan pelbagai cara. Kamus Dewan edisi ketiga (2002) mendefinisikan

pembelajaran sebagai proses belajar dan belajar dinyatakan sebagai usaha memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalankan latihan. Dalam konteks bilik darjah, pelajar yang datang ke sekolah belajar daripada guru yang mengajar. Seandainya pelajar tidak mengikuti pengajaran guru, maka tidak wujud proses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Begitu juga proses pembelajaran tidak berlangsung apabila tidak ada guru yang mengajar.

### **1.7.5 Pembelajaran bahasa**

Pembelajaran bahasa adalah satu proses pembelajaran sesuatu bahasa selain daripada bahasa pertama. Ianya merupakan satu proses sedar dan memerlukan usaha dalam mengumpul perbendaharaan dengan struktur-struktur nahu. Dalam proses pembelajaran ini, ianya tidak akan berlaku secara semulajadi tetapi kebanyakannya akan berlaku dalam proses atau aktiviti dalam kelas sama ada secara formal atau tidak formal. Pembelajaran bahasa sebenarnya adalah berbeza pengertiannya dengan pemerolehan bahasa. Pemerolehan bahasa adalah proses pemerolehan bahasa secara tidak sedar dan tidak formal. Manakala, pembelajaran adalah sebaliknya. Dengan erti kata lain, pemerolehan bahasa ialah proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak semasa memperolehi bahasa pertama. Pembelajaran bahasa pula berlaku semasa seseorang sedang mempelajari bahasa baru atau bahasa kedua iaitu setelah seseorang itu memperolehi bahasa pertamanya, yakni pembelajaran bahasa terutamanya pembelajaran bahasa kedua akan berlaku pada peringkat yang lebih kemudian selepas bahasa pertama.

### **1.7.6 Pembelajaran Bahasa Arab**

Apabila bercakap mengenai bahasa kedua ataupun bahasa asing ini, pemerolehan bahasa berlaku secara formal, dan memerlukan kepada pembelajaran. Tetapi, seseorang individu itu juga memperolehi bahasa kedua itu secara tidak sedar. Terdapat perbezaan yang utama di antara pemerolehan dan pembelajaran. Pembelajaran bahasa Arab merujuk kepada proses seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat bahasa tersebut. Pembelajaran bahasa Arab juga bergantung pada domain dan pendekatan yang dapat menarik minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dalam kajian ini, pembelajaran bahasa Arab turut sama merujuk kepada sejauhmana pendekatan motivasi dan domain non-motivasi merangsang pembelajaran pelajar untuk mata pelajaran bahasa Arab yang merupakan salah satu kursus elektif bagi pelajar aliran pengurusan.

### **1.8 Rangka Penulisan Disertasi**

Pengkaji telah mengklasifikasikan disertasi ini kepada lima bab yang berasingan bermula daripada pendahuluan, kajian literasi, metodologi kajian, analisis dapatan kajian dan kesimpulan kajian.

**Bab pertama** merupakan pengenalan kepada kajian disertasi yang mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan beberapa perkara yang berkaitan. **Bab kedua** ialah kajian literasi. Bab kedua ini membincangkan beberapa perkara khusus yang berkaitan dengan fokus kajian. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah berkaitan bahan bantu mengajar, teori pembelajaran, bahan bantu animasi dan pembelajaran bahasa Arab. Di samping itu, dalam bab ini

disertakan juga kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian berkaitan ini membantu pengkaji untuk mengukuhkan pengetahuan pengkaji dalam bidang yang dikaji. **Bab ketiga** ialah metodologi kajian. Bab ini membincangkan langkah-langkah dan pendekatan yang diambil oleh pengkaji dalam menjalankan kajian seperti pemilihan reka bentuk kajian, instrumen kajian, persampelan, pengumpulan dan pemprosesan data. **Bab keempat** pula ialah analisis dapatan kajian. Bab keempat ini menganalisis data yang dikumpulkan seterusnya melaporkan segala dapatan yang diperoleh hasil daripada kajian yang dijalankan secara terperinci dan tersusun mengikut metod pelaporan yang telah ditetapkan. **Bab kelima** iaitu bab yang terakhir bagi disertasi ini ialah kesimpulan. Dalam bab kelima ini, pengkaji merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan pelaporan yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Dalam bab ini juga, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang wajar dikemukakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian disertasi ini.

## 1.9 Penutup

Sebagai rumusannya, kajian ini cuba untuk merungkai persoalan yang menjadi permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji mendapati penyelidikan ini amat penting untuk melihat sejauhmana keberkesanan penggunaan animasi sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar peringkat permulaan mempelajari bahasa Arab. Ini kerana kebanyakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah berkaitan bahan bantu mengajar berteknologi maklumat, multimedia, laman web dan tidak khusus kepada perisian animasi. Dengan ini tidak banyak maklumat dan bukti yang kita boleh dapat

untuk melihat keberkesanan penggunaan teknologi animasi dalam pembelajaran bahasa umumnya dan bahasa Arab khususnya. Pengkaji berharap dengan penggunaan perisian animasi dalam pembelajaran bahasa Arab ini dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan membantu pelajar untuk menguasai bahasa tersebut semaksima mungkin. Di samping itu, penggunaan animasi sebagai bahan bantu mengajar dapat menaikkan imej guru bahasa Arab di mata pelajar dan seterusnya memberikan semangat kepada guru-guru bahasa Arab yang lain untuk mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab seiring dengan kecanggihan dan kemodenan teknologi masa kini.